



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

#### MINGGU EPIDEMIOLOGI 12 (17 MAC 2024 – 23 MAC 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,041 kes berbanding 2,905 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat empat (4) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-12 adalah sebanyak 41,565 kes berbanding 26,222 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 28 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 17 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-12 adalah sebanyak 141 lokaliti berbanding 161 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 141 lokaliti yang dilaporkan, 118 lokaliti di Selangor, 13 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Perak, satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan satu (1) lokaliti di Johor.


Bagi surveyan chikungunya, terdapat empat (4) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-12. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 13 kes. Terdapat dua (2) wabak Chikungunya dilaporkan pada ME12/2024. Bagi surveyan zika, sebanyak 568 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Musim perayaan menyebabkan pergerakan masyarakat meningkat seterusnya meningkatkan risiko berlakunya peningkatan jangkitan demam denggi. Sebelum meninggalkan rumah untuk pulang ke kampung dan bercuti, pastikan tiada bekas-bekas yang boleh menakung air di dalam dan di luar rumah serta menutup semua bekas yang menyimpan air dengan rapat. Letak bahan pembunuhan jentik-jentik di tempat tadahan air. Orang ramai boleh mendapatkan informasi penyakit demam denggi serta lokasi wabak dan *hotspots* melalui laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my>).

Amalkan langkah-langkah pencegahan gigitan nyamuk dengan memakai pakaian berwarna cerah, menggunakan penghalau nyamuk (repelan) dan menutup anggota badan yang terdedah, terutama apabila berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk aedes iaitu pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan pukul 5 petang hingga 8 malam. Dapatkan rawatan segera jika terdapat gejala demam denggi seperti demam tinggi secara mengejut, sakit otot/ sendi, sakit belakang mata dan pening. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**


Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**1 April 2024**




**Gambarajah 1:** Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-12 & ke-11 tahun 2024



**Gambarajah 2:** Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-12), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-12 tahun 2024**